




SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 15 Safar 1444 / 12 September 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan sedikit peningkatan di mana kadar purata harian kes pada minggu ini ialah sebanyak 179 kes sehari, berbanding dengan 169 kes sehari pada minggu lepas. Walau bagaimanapun, trend jangkitan menunjukkan penularan kekal rendah. Sebanyak 51,405 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 2.4% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022

- i) Pada hari ini, **tidak ada kes** di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **2 kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
 - ii) Sehingga kelmarin, 11 September 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **78.2%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **10.1%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **166 kes baru** telah dilaporkan iaitu 164 kes hasil ujian ART dan 2 kes adalah hasil dari 335 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Teruskan kerjasama abiskita semua dalam membantu pihak Kerajaan memantau penularan wabak COVID-19 di negara dengan memuatnaikkan keputusan ART masing-masing, samada positif atau negatif ke aplikasi *BruHealth*. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aminn Ya Rabbalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 15 Safar 1444H / 12 September 2022